

LAPORAN AKHIR LATIHAN
INDUSTRI DI JABATAN KASTAM DI RAJA
MALAYSIA NEGERI TERENGGANU

OLEH
NOOR FADZILLA BT BOLHASAN
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)

JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)
2004

1100045520 chn: 5246

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

Pengarang
Noor Fadilla bt. Bolhasan
Judul latihan industri disabatan
kastam diraja

No. Panggilan
L11
PPE 1
0004

Tarikh	Waktu Pemulangan	Nombor Ahli	Tanda tangan

QH: 5246

1100045520

LI 11 FPE 1 2004



1100045520

Laporan akhir latihan industri di Jabatan Kastam Diraja Malaysi
Terengganu / Noor Fadzilla Bolhasan.



PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100045520

1100045520

Lihat sebelah

HAK MILIK
PUSKESMAS KUSTEM

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA NEGERI TERENGGANU

OLEH:

NOOR FADZILLA BT BOLHASAN
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi Dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2004

1100045520

Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya NOOR FADZILLA BINTI BOLHASAN mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama : NOOR FADZILLA BT BOLHASAN
Tarikh : 1 OKTOBER 2004

Disahkan oleh:

Prof. Madya Hj Zakaria Mat
Penyelia KUSTEM
b/p Pengerusi Latihan Industri
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
KUSTEM

DEDIKASI

Istimewa Buat :-

Keluarga tercinta, Ayahanda, Bonda, Abang dan Adik tersayang Mohd Furkhan dan Norfarini serta rakan-rakan seperjuangan Noor , Khaty, Milah, Yiella, Lin, Cheryl, Melly dan mereka yang turut terlibat dalam memberi tunjuk ajar dan panduan.....

Terima Kasih Atas Segalanya.....

Semoga segala pengorbanan serta jasa baik kalian akan mendapat balasan yang baik dan pengorbanan kalian akan dikenang sehingga ke akhir hayat.....

Semoga Tuhan Memberkati Kalian Semua.....

PENGHARGAAN

Assalamualaikum.....

Syukur kepada Allah SWT kerana dengan keizinanNya dapatlah saya menyiapkan laporan industri ini walaupun menghadapi pelbagai dugaan dan kesukaran. Namun atas semangat dan keyakinan yang tinggi dapat juga ia disiapkan. Laporan industri ini merupakan satu laporan mengenai pengalaman yang diperolehi sepanjang latihan industri dijalankan di Jabatan Kastam Diraja Malaysia Negeri Terengganu.

Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih atas segala tunjuk ajar dan layanan yang diberikan oleh seluruh warga kastam sepanjang saya berada di jabatan tersebut. Sesungguhnya tunjuk ajar yang diberikan amatlah dihargai.

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Penyelia Latihan Industri (KUSTEM) iaitu Prof. Madya Tuan Hj Zakaria bin Mamat. Terima kasih atas segala panduan dan tunjuk ajar yang diberikan.

Dengan ini juga saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menyiapkan laporan ini. Terima Kasih.....

KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

MUKA

SURAT

PENGESAHAN

PENGHARGAAN

SENARAI RAJAH

BAB 1: LATAR BELAKANG JABATAN KASTAM DI RAJA

MALAYSIA NEGERI TERENGGANU

1.1 PENGENALAN

1.1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan Kastam Negeri Terengganu	1
--	---

1.2 STRUKTUR ORGANISASI

1.2.1 Carta Organisasi	6
------------------------	---

1.3 MAKLUMAT LAIN

1.3.1 Alamat Jabatan	12
1.3.2 Misi	13

1.3.3 Visi	13
1.3.4 Objektif	13
1.3.5 Logo Jabatan	15
1.3.6 Etika Perkhidmatan	16
1.3.7 Nilai-Nilai Utama Jabatan	18
1.3.8 Konsep Pengurusan	19
1.3.9 Perkhidmatan Yang Ditawarkan	20
1.3.10 Corak Pentadbiran Organisasi	29
1.4 FUNGSI DAN AKTIVITI SETIAP BAHAGIAN	
1.4.1 Bahagian Pengurusan	31
1.4.2 Bahagian Kastam dan Cukai Dalaman	33
1.4.3 Bahagian Pencegahan	34
1.4.4 Bahagian Perkhidmatan Teknik	36
1.5 KEMAHIRAN YANG INGIN DIPELAJARI	38

**BAB 2: PENGENALPASTIAN MASALAH DAN
CADANGAN PENYELESAIAN**

2.1 PENEMUAN SISTEM DAN MASALAH	
2.1.1 Sistem Sedia Ada	
2.1.1.1 Bahagian Pengurusan	41
2.1.1.2 Bahagian Kastam dan Cukai Dalaman	44
2.1.1.3 Bahagian Pencegahan	49
2.1.1.4 Bahagian Perkhidmatan Teknik	49
2.1.2 Pengenalpastian Masalah	53
2.2 CADANGAN PENYELESAIAN	58
2.3 PERLAKSANAAN CADANGAN DAN IMPLIKASI	64
2.4 KESIMPULAN	68
BAB 3: PENUTUP	69
BIBLIOGRAFI	
LAMPIRAN	

BAB 1 : LATAR BELAKANG JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

1.1.Pengenalan

1.1.1. Sejarah Penubuhan Jabatan Kastam Terengganu

Jabatan Kastam Diraja Malaysia Terengganu (JKDM) telah ditubuhkan pada tahun 1937 di bawah Enakmen Kastam Eksais No 57 / 1356 dan telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Sulaiman Ibni Zainal Abidin pada 22 Disember 1937. Setor JKDM pula dirasmikan oleh baginda Sultan Terengganu pada 10 Mac 1955 di mana pada masa itu Pengarah Kastam Negeri dikenali sebagai Orang Kaya Jaya Perkasa.

JKDM Terengganu bermula di Kedai Binjai iaitu bersebelahan dengan Wisma Kastam sekarang ini (sekarang ini digantikan dengan Hotel Seri Malaysia). Namun, ia tidak lama kerana tempat tersebut telah dibom oleh tentera Jepun pada tahun 1941 dan kemudiannya berpindah ke Bukit Puteri di mana pada masa itu Sultan Terengganu ialah Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (1920 – 1942) yang diketuai oleh Che Da Umar Bin Mohd Ali @ Dato' Seri Nara Wangsa yang juga dikenali sebagai Dato' Seri Andaka Raja.

Aktiviti-aktiviti utama JKDM pada masa itu ialah perdagangan iaitu membawa masuk dan keluar barang dagangan. Barang-barang tersebut dipunggah melalui jeti yang dibina di muara sungai belakang jabatan Kastam. Selain itu, pejabat lama JKDM juga terdapat di Taman Shahbandar iaitu di hadapan Pejabat Pos Besar Kuala Terengganu pada masa kini. Selain di Kuala Terengganu, Pejabat Kastam juga terdapat di daerah Dungun, Paka, Kemasik. Kijal dan Kemaman. Kapal yang membawa barang dagangan keluar masuk melalui Jabatan Kastam Dungun, Paka, Kemasik dan Kijal akan berlabuh di tengah laut. Seterusnya perahu atau bot kecil digunakan untuk memunggah barang ke Pejabat Kastam dengan diketuai oleh nakhoda kapal. Barang yang dibawa keluar ke Singapura juga menggunakan bot atau perahu kecil untuk membawa barang dagangan.

Pejabat Kastam di Kemaman pula mempunyai pelabuhan untuk kemudahan kapal-kapal berlabuh. Di antara barang dagangan yang dibawa keluar melalui Jabatan Kastam pada masa itu ialah seperti pinang kering, getah, dan sebagainya. Manakala barang yang dibawa masuk contohnya dari Singapura ialah seperti basikal dan kereta. Selain itu, aktiviti sampingan pegawai-pegawai Kastam pada masa itu ialah menjual candu kepada kaum Cina dan juga penggemar-penggemar candu. Aktiviti-aktiviti Jabatan Kastam Diraja Malaysia Terengganu meliputi

kegiatan pengurusan, operasi, pencegahan dan pengurusan Stesen-stesen Kemaman dan Kerteh.

Selain di Bukit Puteri, JKDM juga pemah menjalankan operasinya di bangunan UMNO yang berada di Jalan Sultan Mahmud di Gong Kapas sebelum berpindah ke tempat sekarang. Setelah mendapat peruntukan daripada ibu pejabat, JKDM telah membina bangunannya yang tersendiri di atas sebidang tanah seluas 1.1025 hektar di Lot 946K Jalan Balik Bukit yang berada 20 meter daripada tempat awal kewujudan JKDM di Kuala Terengganu. Bangunan ini dianggarkan berharga lebih kurang RM 6 juta dan telah siap dibina pada 30 Jun 2001. Ia mula beroperasi secara rasmi pada 1 November 2001. Boleh dikatakan bangunan ini agak unik kerana ia telah di cat dengan wama oren dan biru.

Bangunan 4 ½ tingkat ini pejabat Pengarah Kastam Negeri di paras empat dan Bahagian Perkhidmatan Teknik. Aras tiga pula diduduki oleh Bahagian Pengurusan iaitu Pengurusan Sumber Manusia dan Pengurusan Kewangan dan Perolehan. Bahagian Pencegahan pula beroperasi di aras dua manakala Bahagian Kastam dan Cukai Dalaman beserta Perakaunan Hasil (Kesyer) ditempatkan di Aras satu. Di aras bawah pula telah ditempatkan bahagian Marin Kastam dan juga Bahagian Perkhidmatan Teknik. Bahagian Teknik ditempatkan di dua

tempat iaitu aras empat dan aras bawah sekali kerana ruang yang tidak mencukupi. Namun bahagian ini mempunyai tugas yang berlainan.

Setelah beroperasi begitu lama, maka Pengarah Kastam Terengganu juga sering bertukar orang. Antara Pengarah yang telah menjalankan tugas di Kastam Terengganu adalah seperti berikut:

- i. Yang Razali bin Mohd Yusof (1/2/1980 – 6/7/1982)
- ii. Hj Omar bin Hj. Mohd Tahir (7/7/1982 – 22/12/1986)
- iii. Hussein bin Abd Rahman (23/12/1986–31/12/1990)
- iv. Mohd bin Osman (1/1/1991 – 3/ 3/1993)
- v. Syed Mohamad bin Syed Abdullah (1/4 /1993 – 10/9/200)
- vi. Bedolah bin Botok (17/9/2001 hingga kini)

1.2 Struktur Organisasi

Jabatan Kastam Diraja Malaysia Terengganu diketuai oleh Pengarah Kastam Negeri (Gred W54) iaitu En. Bedolah bin Botok dengan dibantu oleh lima orang Penolong Kanan Pengarah Kastam iaitu Penolong Kanan Pengarah Kastam Bahagian Perkhidmatan Teknik (Gred W48), Penolong Kanan Pengarah Kastam Bahagian Pencegahan (Gred W48), Penolong Kanan Pengarah Kastam Bahagian Pengurusan (Gred W48), Penolong Kanan Pengarah Kastam Bahagian Kastam (Gred W48) dan Penolong

Kanan Pengarah Kastam Bahagian Cukai Dalaman (Gred W48). Jabatan Kastam ini terdiri daripada 4 bahagian iaitu Bahagian Pengurusan, Bahagian Kastam dan Cukai Dalaman, Bahagian Perkhidmatan Teknik dan Bahagian Pencegahan. Setiap bahagian akan diketuai oleh seorang Penolong Kanan Pengarah Kastam. Jabatan Kastam diraja Malaysia Terengganu mempunyai 152 orang kakitangan yang terdiri daripada:

- | | | |
|------|--|------------|
| i. | Pengarah Kastam Negeri | - 1 orang |
| ii. | Penolong Kanan Pengarah Kastam | - 6 orang |
| iii. | Penguasa Kastam | - 14 orang |
| iv. | Pegawai Kastam Kanan / Pegawai Kastam Tinggi | - 8 orang |
| v. | Pegawai Kastam | - 68 orang |
| vi. | Kakitangan Marin | - 34 orang |
| vii. | Kakitangan Pentadbiran | - 21 orang |